

## PTPTN kekal komited martabat sektor pendidikan negara

**PETALING JAYA** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa menyokong usaha memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara dengan melaksanakan pelbagai insentif dan inisiatif program berimpak tinggi.

Sumbangan PTPTN dalam membangunkan modal insan negara cukup besar kepada masyarakat.

Sehingga 30 November 2022, PTPTN telah membantu seramai 3.77 juta pelajar untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan jumlah pinjaman sebanyak RM68.22 bilion.

PTPTN turut membantu pelajar baru membuat persediaan awal untuk mendaftrar masuk ke IPTA dan Politeknik melalui pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman. Sejak 1999 hingga November 2022, seramai 960,882 pelajar menerima manfaat ini dengan peruntukan RM1.42 bilion.

Pengerusi PTPTN, Dr Apli Yusoff, berkata, kerajaan turut prihatin dalam mengiktiraf pencapaian cemerlang pelajar di IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melalui insentif pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Per-



**KOMITMEN tinggi PTPTN dalam membantu pelajar IPT mengejar cita-cita untuk berjaya dalam pelajaran amat membanggakan.** – GAMBAR HIASA

tama.

“Ia terus dilaksanakan pada 2022 dan ditambah baik berbanding sebelumnya, hanya terhad kepada peminjaman daripada golongan B40 dan M40 sahaja.

“Sehingga 30 November, seramai 90,485 orang peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik pinjaman, melibatkan pelupusan pinjaman sebanyak RM2.32 bilion,” katanya.

Selain itu katanya, bagi mengurangkan kebergantungan pelajar kepada pinjaman pendidikan,

dikan, seterusnya mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman, PTPTN menyediakan instrumen simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi dikenali sebagai Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

“Sejak diperkenalkan tahun 2004 hingga November 2022, jumlah simpanan diterima adalah RM13.38 bilion dengan bilaan akaun baharu berjumlah 5,68 juta. Bagi tempoh 1 hingga 30 November, sebanyak 433,774 akaun baharu Simpan SSPN

dibuka dengan jumlah keseluruhan simpanan diterima RM2.5 bilion.

“Selaras dengan era pendigitalan, kita melancarkan aplikasi mobil app iaitu myPTPTN untuk menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

“Kemudahan ini akan memanfaatkan 3.77 juta peminjam dan 5.68 juta pendeposit Simpan

SSPN selain memperkenalkan Kelab Simpanan Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bertujuan meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak,” katanya.

Pada masa sama, Dr. Apli berkata, PTPTN turut melaksanakan pelbagai program outreach bagi mendekati para pelajar untuk terus sebar dan tingkatkan imej positif.

Antara program yang dianjurkan ialah Program Literasi Keuangan dan Persediaan Kerja, antara komitmen PTPTN dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat.

“Program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin turut diadakan untuk bantu pelajar yang kurang berkemampuan. Setiap pelajar yang layak menerima bantuan sebanyak RM500 secara

one off dan disalurkan ke dalam akaun bank pelajar.

“Melalui program ini, PTPTN memperuntuk RM142,000 kepada 284 pelajar IPT seluruh negara yang merupakan peminjam PTPTN daripada golongan kurang berkemampuan dengan kerjasama Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan IPT terlibat,” ujarnya.

Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 pula bertujuan membantu pelajar asnaf daripada aspek pendidikan serta galakan awal memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak.

“Program ini melibatkan sumbangan zakat PTPTN kepada 17,800 orang pelajar asnaf di 178 kawasan terpilih dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat dan pemimpin setempat melibatkan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dengan peruntutan keseluruhan RM1.78 juta,” kata-nya.

Selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 ujarnya, PTPTN juga mempunyai perancangan untuk tempoh lima tahun melalui Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 berpaksikan lima Teras Strategik yang telah dikehendaki pasti.